



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## **GARIS PANDUAN**

### **PELAKSANAAN PENYAMPAIAN DAN PEMBELAJARAN SECARA BERSEMUKA DI RUANG PEMBELAJARAN UiTM DAN SECARA *OPEN AND DISTANCE LEARNING***

#### **1. PENDAHULUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan pada warga akademik UiTM akan kaedah Penyampaian dan Pembelajaran berkesan dan dapat memandu semua fakulti / pusat akademik / UiTM cawangan dalam pengurusan dan pengendalian aktiviti penyampaian dan pembelajaran akademik.

#### **2. PUNCA KELULUSAN / KUASA**

Pekeliling Naib Canselor Bil.17 Tahun 2020  
Minit Senat ke-257 bertarikh 16 April 2020

#### **3. SKOP**

Prosedur pelaksanaan penyampaian dan pembelajaran secara bersemuka dan *Open and Distance Learning* merangkumi proses berikut:

- 3.1 Pendahuluan
- 3.2 Takrifan
- 3.3 Tanggungjawab Dekan / Rektor
- 3.4 Tanggungjawab TDA / TRek(A) / KPP
- 3.5 Tanggungjawab RP
- 3.6 Tanggungjawab Pensyarah
- 3.7 Tanggungjawab AR / EO dan Jawatankuasa Berkaitan
- 3.8 Tanggungjawab Pelajar
- 3.9 Pematuhan Pelaksanaan PdP
- 3.10 Pemantauan Pelaksanaan PdP
- 3.11 Kaedah Pembahagian Sesi PdP Bersemuka dan ODL
- 3.12 Kaedah A: Mengikut Aktiviti Pembelajaran
- 3.13 Kaedah B: Mengikut Bilangan Minggu Pengajian
- 3.14 Kaedah C: Mengikut Topik Dalam Silibus
- 3.15 Kaedah D: Mengikut Jam Pembelajaran Mingguan
- 3.16 Penghayatan Education5.0@UiTM dalam PdP

#### 4. JAWATANKUASA/KEANGGOTAAN/PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB

BHEA	CIDL	TDA
Bahagian Hal Ehwal Akademik	<i>Centre for Innovative Delivery and Learning Development</i>	Timbalan Dekan Akademik
TREK (A)	RP	AR/EO
Timbalan Rektor (Akademik & Antarabangsa)	Pensyarah Sumber ( <i>Resource Person</i> )	Penolong Pendaftar/ Pegawai Eksekutif

#### 5. DEFINISI/TAFSIRAN/TERMA

PTJ	Pegawai yang Bertanggungjawab
PdP	Penyampaian dan Pembelajaran
ODL	<i>Open and Distance Learning</i>

#### 6. KETERANGAN/AKTIVITI

##### 6.1 - PENDAHULUAN

- 6.1.1 Garis panduan ini disediakan khusus untuk pelaksanaan PdP bagi kategori pelajar yang dibenarkan hadir ke kampus UiTM dan melaksanakan di ruang pembelajaran UiTM pada sesuatu semester.
- 6.1.2 Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan polisi dan prosedur yang telah digariskan daripada:
- A Majlis Keselamatan Negara (MKN)
  - B Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
  - C Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
  - D Pekeliling Naib Canselor UiTM
  - E Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UiTM
  - F Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM
  - G Garis panduan khusus yang disediakan oleh PTJ masing-masing.
- 6.1.3 CIDL di BHEA adalah unit yang menyediakan perkhidmatan dalam memastikan penyampaian dan pembelajaran akademik pelajar berjalan dengan efektif dan efisien.

##### 6.2 - TAKRIFAN

- 6.2.1 **Penyampaian dan Pembelajaran (PdP)**  
Aktiviti PdP ini boleh dilaksanakan secara bersemuka dan *Open and Distance Learning*.

### 6.2.2 PdP Bersemuka

PdP bersemuka adalah kaedah penyampaian dan pembelajaran yang dijalankan secara bersemuka secara setempat /on-site.

### 6.2.3 *Open and Distance Learning (ODL)*

ODL adalah merupakan kaedah PdP yang boleh dilaksanakan secara dalam talian atau kaedah lain secara jarak jauh. Kaedah PdP secara ODL bertujuan bagi memastikan tiada pelajar yang akan ketinggalan di dalam tempoh pengajian.

Setiap kaedah ODL yang digunakan perlu sesuai dengan keadaan semasa pelajar. Oleh itu bahan PdP perlu dibangunkan mengikut aturan yang betul agar ianya mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.

### 6.2.4 **Kursus berasaskan makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur**

Kursus berasaskan makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur adalah kursus-kursus yang komponen makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur adalah melebihi 30% daripada kandungan kursus tersebut.

### 6.2.5 **Self Instructional Materials (SIM)**

SIM adalah merupakan bahan PdP yang berupaya memastikan pelajar belajar secara sendiri tanpa kehadiran pensyarah/tutor di sisi. SIM ini perlu dibangunkan menggunakan kaedah atau model instruksi yang sesuai agar ianya sesuai dengan kursus yang tawarkan.

### 6.2.6 **Student Learning Time (SLT)**

SLT atau jam pembelajaran pelajar adalah masa belajar yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran yang dikenal pasti untuk sesuatu modul pada peringkat mikro dan untuk sesuatu program pada peringkat makro. Para 2.0 MQF menyatakan bahawa satu kredit bersamaan dengan 40 jam SLT.

### 6.2.7 **Tutorial**

Tutorial merupakan penyampaian PdP yang kebiasaannya dikendalikan oleh tutor dan mempunyai bilangan pelajar yang kecil. Sesi tutorial ini boleh dijalankan secara bersemuka dan ODL.

### 6.2.8 **Praktikal**

Aktiviti praktikal melibatkan perbuatan atau penggunaan sebenar bahan, peralatan, kelengkapan di sesuatu ruang PdP. Ianya bukan bersifat teori tetapi aplikasi. Aktiviti yang melibatkan praktikal boleh dijalankan secara bersemuka mahupun ODL kerana ianya bergantung pada penggunaan ruang dan peralatan tertentu.

### 6.2.9 **Makmal**

Makmal merupakan tempat bagi menjalankan sesi pembelajaran inkuiri I atau penyelidikan dan kebiasaannya melibatkan peralatan tertentu. Ruang pembelajaran berbentuk makmal adalah seperti makmal komputer, makmal sains, makmal bahasa dan sebagainya. Aktiviti PdP yang menggunakan makmal perlu dijalankan dengan kaedah bersemuka.

#### 6.2.10 Studio

Studio merupakan tempat atau ruang melakukan kerja serta aktiviti yang melibatkan praktikal seperti pelukis, penyanyi, pelakon, pereka, fotografer dan lain-lain. Studio juga digunakan bagi tujuan rakaman atau penyiaran bagi membangun aktiviti PdP. Aktiviti PdP yang menggunakan studio juga perlu dijalankan dengan kaedah bersemuka.

#### 6.2.11 Bengkel

Bengkel merupakan ruang dan tempat bagi aktiviti yang melibatkan peralatan besar dan berat. Kebiasaan bengkel mempunyai mesin-mesin yang tertentu yang boleh digunakan mengikut bidang yang ditawarkan. Antara bengkel yang disediakan bagi PdP adalah seperti Bengkel Tekstil, Bengkel Logam, Bengkel Mekanikal dan sebagainya. Aktiviti PdP yang menggunakan bengkel perlu dijalankan dengan kaedah bersemuka.

#### 6.2.12 Dapur

Dapur merupakan ruang PdP yang melibatkan aktiviti memasak. Dapur juga mempunyai kelengkapan peralatan yang khusus bagi tujuan tertentu bagi melaksanakan PdP. Aktiviti PdP yang menggunakan dapur perlu dijalankan dengan kaedah bersemuka.

#### 6.2.13 Klinik

Klinik adalah ruang pembelajaran dan praktikal bagi program yang melibatkan aktiviti perubatan. Klinik juga mempunyai peralatan khas yang disediakan bagi pelaksanaan PdP secara berkesan. Aktiviti PdP yang menggunakan klinik perlu dijalankan dengan kaedah bersemuka.

#### 6.2.14 Padang

Padang atau Trek adalah ruang lapangan pembelajaran lazim untuk kursus-kursus yang memerlukan pengukuran kemahiran fizikal seperti sukan dan kawat. Aktiviti PdP yang menggunakan padang boleh dijalankan dengan kaedah bersemuka.

### 6.3 - TANGGUNGJAWAB DEKAN / REKTOR

6.2.1 Memastikan kesiapsiagaan fasiliti, staf sokongan, ruang pembelajaran, peralatan dan lain-lain adalah memenuhi SOP yang telah ditetapkan.

6.2.2 Memperincikan kaedah pelaksanaan aktiviti PdP termasuk :

- A Ketetapan pembangunan bahan ODL berbentuk SIM
- B Jumlah pelajar pada satu masa iaitu tidak melebihi 50% kapasiti ruang pembelajaran
- C Tatacara aktiviti dan keselamatan
- D Penjadualan kehadiran staf dan pelajar

6.2.3 Memastikan hanya kategori pelajar yang dibenarkan hadir ke kampus sahaja terlibat dengan pelaksanaan PdP bersemuka.

#### 6.4 - TANGGUNGJAWAB TDA / TREK(A) / KPP

- 6.4.1 Menyemak komponen PdP berkaitan untuk kursus-kursus berasaskan makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur adalah mengikut kesesuaian amalan terbaik bagi kursus tersebut manakala komponen PdP yang melibatkan teori dan kognitif boleh dilaksanakan secara ODL. Peratusan PdP bersemuka bagi kursus-kursus ini adalah bergantung kepada keperluan kursus tersebut.
- 6.4.2 Menyemak komponen PdP yang melibatkan tutorial tidak melebihi 30% keseluruhan PdP kursus yang bukan berasaskan makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur.
- 6.4.3 Memastikan komponen PdP yang disediakan oleh RP mencapai hasil pembelajaran sesuatu kursus dan sesuatu program akademik pelajar yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh MQA dan KPT.
- 6.4.4 Menyemak komponen bersemuka PdP dan pentaksiran kursus yang ditawarkan di Fakulti / UiTM Cawangan / Pusat Akademik dan mendapat kelulusan di peringkat JAF / JAN / JAI / JAP.

#### 6.5 - TANGGUNGJAWAB RP

- 6.5.1 Mengenalpasti dan membangunkan komponen PdP berkaitan untuk kursus-kursus berasaskan makmal / studio / bengkel / dapur / klinik / padang adalah mengikut kesesuaian amalan terbaik bagi kursus tersebut manakala komponen PdP yang melibatkan teori dan kognitif boleh dilaksanakan secara ODL. Peratusan PdP bersemuka bagi kursus-kursus ini adalah bergantung kepada keperluan kursus tersebut.
- 6.5.2 Mengenalpasti dan membangunkan komponen PdP yang melibatkan tutorial tidak melebihi 30% keseluruhan PdP kursus yang bukan berasaskan makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur.
- 6.5.3 Membangunkan pelan dan komponen PdP bersemuka serta pentaksiran kursus yang ditawarkan di Fakulti / UiTM Cawangan / Pusat Akademik dan membyediakan cadangan untuk dimajukan bagi kelulusan di peringkat JAF / JAN / JAI / JAP.

#### 6.6 - TANGGUNGJAWAB PENSYARAH

- 6.6.1 Memberi input kepada RP mengenai kesesuaian peratus kandungan PdP bersemuka dan ODL bagi setiap kursus yang diajar .
- 6.6.2 Memberi input kepada Jawatankuasa jadual Waktu untuk merangka jadual bagi penggunaan ruang PdP bersemuka. Fakulti dan kampus disaran menjadualkan sesi pembelajaran sepertimana yang dijadualkan pada semester-semester biasa.
- 6.6.3 Kenalpasti kaedah ODL yang sesuai dengan keadaan semasa pelajar dengan merujuk kepada kaedah yang telah ditetapkan bagi sesuatu kursus termasuk platform yang sesuai bagi kaedah penyampaian ODL.

- 6.6.4 Menyediakan SIM bagi penyampaian kandungan melalui kaedah ODL. Bahan SIM perlu sesuai dengan jenis ODL yang digunakan. Sila Rujuk garis panduan pelaksanaan ODL.
- 6.6.5 Menjalankan aktiviti PdP tutorial atau makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur dan ODL mengikut jadual yang telah dirancang
- 6.6.6 Mendapatkan maklumbalas berkenaan penyampaian kaedah ODL setiap masa.
- 6.6.7 Menilai aktiviti pembelajaran PdP tutorial atau makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur dan ODL secara progresif.
- 6.6.8 Memberi tugas yang sesuai dengan SLT pelajar.
- 6.6.9 Sikap toleransi atau tolak ansur di antara pensyarah dan pelajar adalah sangat penting dalam melaksanakan PdP bersemuka dan ODL.
- 6.6.10 Pensyarah perlu mempunyai sifat toleransi dalam pembahagian masa dan waktu bagi aktiviti pembelajaran mengikut masa yang sesuai bagi kedua-dua pihak termasuk penggunaan platform penyampaian ODL mengikut kesesuaian agar dapat diakses oleh pelajar.
- 6.6.11 Mendokumentasikan segala aktiviti pembelajaran secara ODL bagi tujuan audit kualiti.

## **6.7 - TANGGUNGJAWAB AR / EO DAN JAWATANKUASA BERKAITAN**

- 6.7.1 Melantik staf yang layak mengendalikan sesi PdP tutorial / makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur adalah pensyarah, staf kumpulan sokongan atau tutor yang dilantik dengan rasmi dan menurut penjadualan sesi perkuliahan yang disediakan PTJ.
- 6.7.2 Memastikan proses penajaan jadual penggunaan ruang dan sesi perkuliahan mengikut pilihan model yang sesuai dengan kursus yang ditawarkan dengan penggunaan ruang akademik yang optimum.
- 6.7.3 Memastikan pengurusan dan pengoperasian PdP berjalan dengan lancar dan baik.

## 6.8 - TANGGUNGJAWAB PELAJAR

- 6.8.1 Memastikan pelajar berpengetahuan mengenai pelan pengajian pelajar, pemindahan / pengecualian kredit dan perkara yang berkaitan yang telah dinyatakan di dalam Buku Peraturan Akademik Pelajar.
- 6.8.2 Memastikan sentiasa menghubungi Penasihat Akademik dalam mendapatkan nasihat berkaitan dengan pengajian pelajar.
- 6.8.3 Mempunyai kemahiran dalam menggunakan LMS seperti iLearn, UFuture atau sebarang teknologi untuk pelaksanaan ODL.
- 6.8.4 Mempunyai sifat self-directed learner dalam meningkat hasil pembelajaran dan kemahiran diri.
- 6.8.5 Sentiasa meningkatkan diri dalam pengurusan masa dan membuat perancangan pembelajaran masing-masing.
- 6.8.6 Sentiasa berhubung dan mendapatkan nasihat daripada pensyarah bagi sesuatu kursus jika mempunyai masalah perkaitan PdP.
- 6.8.7 Memberi perhatian kepada tanggungjawab dan peranan pelajar dalam ODL.
- 6.8.8 Mempunyai kemahiran belajar secara ODL.
- 6.8.9 Mempunyai kemahiran sistem pendaftaran kursus dan iStudent Portal.
- 6.8.10 Memberi maklum kepada ibu bapa/penjaga mengenai kelaziman baru dalam kehidupan kampus.
- 6.8.11 Mempunyai sifat toleransi dalam pembahagian masa dan waktu bagi aktiviti pembelajaran mengikut masa yang sesuai bagi pelajar dan pensyarah.
- 6.8.12 Memberi maklum balas kepada sebarang instrumen pemantauan dan yang dilaksanakan oleh pihak fakulti/kampus/pensyarah masing-masing jika diperlukan.

## 6.9 - PEMATUHAN PELAKSANAAN PDP

- 6.9.1 Pelaksanaan PdP adalah perlu mengikut jadual PdP bersemuka dan ODL yang telah ditetapkan.
- 6.9.2 Pematuhan kepada ketetapan SOP fakulti/ pusat akademik/ UiTM cawangan semasa menjalankan aktiviti PdP (tutorial atau makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur).

## 6.10 - PEMANTAUAN PELAKSANAAN PDP

- 6.10.1 Pemantauan pelaksanaan PdP tutorial atau makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur dan ODL mengikut perancangan oleh RP dan pensyarah berkaitan.
- 6.10.2 Sebarang penambahbaikan dari masa ke semasa yang hendak dibuat oleh pensyarah perlu dipersetujui RP.
- 6.10.3 Pemakluman mengenai setiap penambahbaikan yang dibuat kepada semua staf akademik di semua fakulti, kampus yang terlibat bagi oleh RP termasuk KKB.
- 6.10.4 Sentiasa mendapatkan maklumbalas pelajar berkenaan PdP tutorial atau makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur dan ODL.
- 6.10.5 Memastikan staf akademik, staf kumpulan sokongan, tutor dan pelajar diberi ruang untuk menyatakan pendapat bagi PdP tutorial atau makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur dan ODL yang lebih berkesan.
- 6.10.6 Memastikan staf akademik, staf kumpulan sokongan, tutor dan pelajar mengetahui platform yang boleh digunakan sekiranya ingin memberi maklumbalas.

## 6.11 - KAEDAH PEMBAHAGIAN SESI PDP BERSEMUKA DAN ODL

- 6.11.1 Pengiraan jumlah SLT BERSEMUKA yang dicadangkan dalam seminggu berbeza mengikut kursus.  
Contoh : Untuk kursus 3 jam kredit:  
  
SLT BERSEMUKA sepanjang semester ialah = 42 jam  
  
Pengiraan 30% :  $0.3 \times 42 = 12.6$  jam (jam maksima yang dibenarkan bersemuka)
- 6.11.2 Terdapat beberapa model bagi kaedah pembahagian sesi PdP bersemuka dan ODL.
- 6.11.3 Empat (4) cadangan kaedah pengagihan peratusan PdP bersemuka yang boleh digunakan oleh para pensyarah. Setiap kaedah pilihan adalah berdasarkan SLT bagi sesuatu kursus.

<b>KAEDAH A</b>	Mengikut aktiviti pembelajaran
<b>KAEDAH B</b>	Mengikut bilangan minggu pengajian
<b>KAEDAH C</b>	Mengikut topik dalam silibus
<b>KAEDAH D</b>	Mengikut jam pembelajaran mingguan

- 6.11.4 Penerangan setiap kaedah pengagihan ini diterangkan di seksyen berikutnya.



## 6.12 - KAEDAH A: MENGIKUT AKTIVITI PEMBELAJARAN

- 6.12.1 Kaedah ini amat sesuai digunakan oleh pensyarah yang menjalankan flipped learning atau activity based learning termasuk tutorial, praktikal, pembelajaran sendiri, pencarian maklumat, kajian, kerja lapangan serta persediaan (nota: MQF - Para 20).
- 6.12.2 RP perlu mematuhi pecahan peratus maksima 30% PdP bersemuka mengikut aktiviti pembelajaran seperti aktiviti yang memerlukan penggunaan perisian khusus yang dibekalkan fakulti /kampus.
- 6.12.3 Sepertimana yang dinyatakan di atas, untuk kursus berasaskan makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur, RP perlu mengenalpasti peratusan bagi pelaksanaan PdP bersemuka dan ODL mengikut kesesuaian kursus yang ditawarkan.
- 6.12.4 Contoh agihan untuk sesi pembelajaran bersemuka yang dibenarkan untuk pelajar menurut aktiviti pembelajaran:

Perkara	Pengagihan
% PdP bersemuka	30%
% ODL	70%
Jumlah aktiviti PDP	12 jam sesi
Jumlah minggu secara ODL	10 minggu
Jumlah SLT bersemuka	42 jam

- 6.12.5 Contoh agihan mengikut persekitaran sesuatu kursus dan aktiviti pembelajaran:

Bil. Minggu	Kursus berasaskan makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur dengan kaedah PdP Bersemuka 50%	Kursus yang memerlukan sesi Penyampaian Bersemuka 30%
Minggu 1	Bersemuka	ODL
Minggu 2	ODL	ODL
Minggu 3	Bersemuka	ODL
Minggu 4	ODL	ODL
Minggu 5	Bersemuka	ODL
Minggu 6	ODL	Bersemuka (Penggunaan perisian di Makmal) – 3 jam
Minggu 7	Bersemuka	Bersemuka (Penggunaan perisian di Makmal) – 3 jam
Minggu 8	ODL	ODL
Minggu 9	Bersemuka	ODL
Minggu 10	ODL	ODL
Minggu 11	Bersemuka	Bersemuka (demonstrasi prototaip) – 2 jam
Minggu 12	ODL	Bersemuka (Penyempurnaan produk di Maker Space) – 4jam
Minggu 13	Bersemuka	ODL
Minggu 14	ODL	ODL

### 6.13 - KAEDAH B: MENGIKUT BILANGAN MINGGU PENGAJIAN

- 6.13.1 RP mengenalpasti peratusan yang sesuai bagi pelaksanaan PdP bersemuka dan ODL mengikut kursus yang ditawarkan.
- 6.13.2 RP boleh mengenalpasti dan mencadangkan pecahan peratusan mengikut kesesuaian.
- 6.13.3 Contoh agihan untuk kursus berasaskan makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur menurut bilangan minggu pengajian di mana cadangan 50% peratus bagi PdP bersemuka mengikut minggu pengajian.

Perkara	Pengagihan
% PdP bersemuka	50%
% ODL	50%
Jumlah minggu secara PDP bersemuka	7 minggu
Jumlah minggu secara ODL	7 minggu
Jumlah minggu	14

- 6.13.4 RP mematuhi dan mengenalpasti pecahan peratus maksima 30% bersemuka mengikut bilangan minggu pengajian yang diperlukan untuk tutorial di mana PdP untuk komponen kursus yang lain boleh dijalankan secara ODL.
- 6.13.5 Contoh agihan untuk tutorial/ sesi pembelajaran yang dibenarkan untuk Pelajar baharu menurut bilangan minggu pengajian:

Bil. Minggu	Kursus berasaskan makmal/ studio/klinikal/praktikal/padang Kaedah PdP Bersemuka 50%	Kursus yang memerlukan tutorial Kaedah PdP Bersemuka 30%
Minggu 1	Bersemuka	Bersemuka
Minggu 2	Bersemuka	ODL
Minggu 3	Bersemuka	ODL
Minggu 4	Bersemuka	ODL
Minggu 5	Bersemuka	Bersemuka
Minggu 6	Bersemuka	ODL
Minggu 7	Bersemuka	ODL
Minggu 8	ODL	ODL
Minggu 9	ODL	Bersemuka
Minggu 10	ODL	ODL
Minggu 11	ODL	ODL
Minggu 12	ODL	ODL
Minggu 13	ODL	Bersemuka
Minggu 14	ODL	ODL

**6.14 - KAEDAH C: MENGIKUT TOPIK DALAM SILIBUS**

6.14.1 RP mematuhi pecahan peratus 50% mengikut topik-topik dalam silibus Jam PdP bersemuka makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur.

6.14.2 Contoh agihan untuk Kursus Berasaskan makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur menurut topik-topik dalam silibus:

Perkara	Pengagihan
% PdP bersemuka	50%
% ODL	50%
Jumlah jam PdP bersemuka makmal /praktikal/studio/dapur/klinikal/padang	21 jam sesi
Jumlah jam secara ODL	7 jam
Jumlah SLT bersemuka	42 jam

6.14.3 RP mematuhi pecahan peratus 30% mengikut topik-topik dalam silibus seperti tutorial untuk tajuk-tajuk sukar sahaja dan komponen kursus yang lain dijalankan secara ODL.

6.14.4 Contoh agihan untuk tutorial/ sesi pembelajaran yang dibenarkan untuk pelajar menurut topik-topik dalam silibus:

Perkara	Pengagihan
% PdP bersemuka	30%
% ODL	70%
Jumlah jam PdP bersemuka	12 jam sesi
Jumlah minggu secara ODL	10 minggu
Jumlah SLT bersemuka	42 jam

6.14.5 Contoh agihan mengikut persekitaran sesuatu kursus dan aktiviti pembelajaran:

Bil. Minggu	Kursus berasaskan makmal/studio/ klinikal/praktikal/padang dengan kaedah PdP Bersemuka 50%	Kursus yang memerlukan tutorial Kaedah PdP Bersemuka 30%
Minggu 1	Bersemuka (T1 -Tajuk 1)	Bersemuka (T1- Tajuk 1)
Minggu 2	Bersemuka (T1)	Bersemuka (T1)
Minggu 3	Bersemuka (T2)	ODL (T2)
Minggu 4	Bersemuka (T2)	ODL (T2)
Minggu 5	Bersemuka (T3)	ODL (T3)
Minggu 6	Bersemuka (T3)	ODL (T3)
Minggu 7	ODL (T4)	ODL (T4)
Minggu 8	ODL (T4)	ODL (T4)
Minggu 9	ODL (T5)	ODL (T5)
Minggu 10	ODL (T5)	ODL (T5)
Minggu 11	ODL (T6)	ODL (T6)
Minggu 12	ODL (T6)	ODL (T6)
Minggu 13	ODL (T7)	Bersemuka (T7)
Minggu 14	ODL (T7)	Bersemuka (T7)

#### 6.15 - KAEDAH D: MENGIKUT JAM PEMBELAJARAN MINGGUAN

- 6.15.1 Kaedah agihan ini kurang sesuai untuk kursus berasaskan makmal / bengkel / studio / klinikal / praktikal / padang / dapur yang komponen teorinya kecil tetapi boleh digunakan untuk tutorial.
- 6.15.2 Contoh agihan untuk tutorial/ sesi pembelajaran yang dibenarkan untuk pelajar baharu menurut jam pembelajaran mingguan:

seperti yang dinyatakan di jadual di bawah di mana satu (1) jam seminggu diperuntukkan untuk PdP Bersemuka manakala PdP untuk komponen kursus yang lain dijalankan secara ODL.

Perkara	Pengagihan
% PdP F2F	25%
% ODL	75%
Jumlah jam seminggu secara PDP bersemuka	1 jam/minggu
Jumlah jam seminggu secara ODL	3 jam/minggu
Jumlah jam untuk 14 minggu	56

6.15.3 Contoh taburan jam mengikut minggu adalah seperti berikut:

Bil. Minggu	Kursus yang memerlukan tutorial / PdP Bersemuka (25%)		Jumlah jam seminggu
Minggu 1	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 2	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 3	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 4	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 5	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 6	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 7	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 8	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 9	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 10	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 11	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 12	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 13	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4
Minggu 14	1 jam bersemuka	3 jam ODL	4

#### **6.16 - PENGHAYATAN EDUCATION5.0@UITM DALAM PDP**

- 6.16.1 Education5.0@UiTM amat menekankan ADAB dan AMANAH dalam penyampaian dan pembelajaran pelajar sepanjang masa.
- 6.16.2 Penjagaan adab dan amanah semasa dalam proses meningkat pengetahuan dan kemahiran akan memperlihatkan sifat tawaduk yang tinggi serta mendapat keberkatan dalam pembelajaran.
- 6.16.3 Pensyarah dan pelajar perlu menghormati masa dan tempoh yang telah diberi dalam melaksanakan aktiviti Pdp.
- 6.16.4 Pelajar perlu memberi maklum balas dengan cara yang berhemah kepada pensyarah sekiranya pelajar mempunyai masalah dalam proses pembelajaran.
- 6.16.5 Pelajar perlu menjelaskan kepada staf berkenaan kekangan yang dihadapi semasa pelaksanaan Pdp bersemuka dan ODL.
- 6.16.6 Pensyarah dan pelajar perlu bersikap jujur dan profesional apabila memberi maklumat berkenaan masalah yang dihadapi sepanjang proses pembelajaran berlangsung.